


Oleh Noor Hidayah
Tanzizi

hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

19/10/23 ms 6
Kuala Lumpur



IKAN bandar raya sudah memenuhi kebanyakan sungai di Lembah Klang.

IKAN PENDATANG 'TAKLUKI' PERAIRAN NEGARA

IKAN ASLI PUPUS 15 TAHUN LAGI?

Tanpa kawalan dan usaha membasmi ikan asing atau penatang secara berterusan di perairan darat, tidak mustahil dalam tempoh 15 hingga 20 tahun sumber perikanan darat atau ikan asli terus berkurangan dan likhualitir pupus.

Pensyarah Kanan Bidang Ekologi dan Penyakit Ikan, abatan Biologi Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohammad Noor Amal Azmai berkata, ketika ini boleh dikatakan kebanyakan perairan negara sudah ditakluki' ikan asing yang semakin membiak dengan berleluasa terutama kawasan berpenduduk padat seperti Lembah Klang yang boleh dikatakan serius.

Menurutnya, Malaysia mempunyai keunikan dan pelbagai biodiversiti dengan memiliki hampir 170 spesies ikan asli di seluruh negara, namun ketika ini terdedah dengan ancaman kemusnahan habitat, pencemaran dan kehadiran ikan asing.

"Dalam tempoh 10 tahun, kita lihat berlaku penurunan sumber ikan asli yang sangat kerana se-

lain daripada tiga faktor itu, ia juga berlaku kerana peneaian berlebihan yang tidak dikawal, contohnya pesta ikan loma apabila ramai yang tangkap ikan bersama-jutaan telurnya.

"Ikan asli kita masih ada cuma berkurangan dan ada juga yang sangat sukar ditemui. Penyusutan sumber bukan saja ikan yang boleh dimakan, tetapi turut membabitkan ikan hiasan dan asli bersaiz kecil yang dianggarkan tiga hingga lima spesies ikan laga kita hampir pupus kerana habitusnya di paya gambut musnah," katanya.

Katanya, antara populasi spesies asli semakin berkurangan

“Boleh kata ikan asing ada di kebanyakan perairan darat bezanya adalah populasinya”
Mohammad Noor Amal

seperti arowana, temoleh, kelah, patin liar dan tapah di perairan sungai utama Semenanjung negara.

"Boleh kata ikan asing ada di kebanyakan perairan darat yang bezanya adalah populasinya banyak atau sedikit saja. Ikan asing yang 'populer' seperti tilapia, keli Afrika, bandar raya, patin Siam, baung ekor merah dan 'peacock bass'.

"Kajian dilakukan pada 2021 menunjukkan sungai di Lembah Klang sudah ditakluki ikan asing seperti ikan bandar raya dan tilapia. Di Sungai Pusu 57 peratus ekosistemnya ikan asing, Gombak (40 peratus), Sungai Langat (50 peratus), Sungai Klang (33 peratus) dan Semenyih (14 peratus)," katanya.

Menurutnya, spesies ikan asing mampu mendominasi ekosistem tempatan sekali gus memberi ancaman dan kesan negatif terhadap ekologi sistem akuatik tempatan.

Katanya, spesies pendatang itu mampu menakluk habitat baru kerana mampu hidup dalam kualiti air kotor, membiak dengan cepat, kurang pemangsa dan boleh memakan pelbagai jenis makanan termasuk telur dan benih ikan.

"Ikan asing sifatnya boleh hidup dalam kualiti air teruk, cepat membesar dan membiak contohnya ikan tilapia, keli Afrika dan baung ekor merah sangat agresif dan kalau terlepas dalam perairan sungai ia boleh menjejaskan

sumber ikan asli.

"Kajian dilakukan di Sungai Pusu, Gombak juga menunjukkan kemungkinan berlaku hibridisasi antara beberapa spesies ikan bandar raya yang mana ia boleh menjadi semakin parah dengan kehadiran spesis hibrid baru yang akan memenuhi perairan kita,"

katanya.

Beliau berkata, ikan asing yang berada di perairan kotor seperti ikan bandar raya dinasihatkan tidak dimakan untuk mengelak sebarang penyakit bawaan bakteria kerana spesies berkenaan hidup di perairan yang tidak bersih.

"Ikan asing mengumpul

logam berat (di kawasan kotor) yang mana logam terkumpul dalam badan ikan dan dimakan manusia. Kalau dimasak dengan cara yang tidak betul atau tidak masak sepenuhnya dikhuatiri menyebabkan penyakit bawaan bakteria," katanya menyarankan ikan asing dituai dijadikan makanan ikan atau baja pertanian.

Katanya, populasi ikan asing perlu segera ditangani dan perlu ada mekanisme untuk mengawal kehadiran spesies itu supaya tidak merosakkan ekosistem biarpun ia menjaga pendapatan kepada ramai penternak ikan.

"Sumber perikanan asli kita perlu dilestarikan dan kualiti serta rasanya juga setanding dengan ikan asing yang banyak dibawa masuk untuk tujuan akua-kultur komersial, termasuk untuk ikan hiasan yang juga cantik.

"Atau diternak menggunakan teknik 'monosex' iaitu teknik yang membela ikan jantan saja supaya ia tidak membiak dan sekiranya terlepas ke perairan umum ia tidak akan membiak, tetapi apa pun ikan asing merosakkan ekosistem perlu ditangani supaya sumber kita kekal terpelihara," katanya.

'Susah nak dapat ikan tembakang'

Kuala Lumpur: Zaman kegemilangan ikan asli atau ikan air tawar terutama di sungai sekitar Perak dan Lembah Klang boleh dianggap semakin 'malap' apabila spesies berkenaan semakin sukar ditemui ketika ini, malah ada antaranya sudah tidak pernah 'dilihat' sejak lebih 10 tahun lalu.

Tidak keterlaluan juga jika boleh dikatakan spesies ikan asli seperti loma, lais, temoleh, tembakang, tengalan, terbul dan ketutu tidak dikenali terutama generasi muda ketika ini yang rata-rata tidak pernah merasai atau melihat ikan itu.

Di Perak terutama di kawasan perairan sekitar Sungai Kinta, Sungai Tumboh dan kawasan bekas lombong sekitar Kampung Sungai Galah yang dulu popular dengan ikan loma dan lais kini dua spesies berkenaan sudah tidak pernah ditemui.

Manakala ikan tembakang, selat, tengalan, temoleh, lampam dan baung juga semakin sukar ditemui yang mana punca ia berlaku atas beberapa faktor seperti kemusnahan habitat, pencemaran dan penerokaan serta paling 'mencuri' tumpuan ketika ini ialah ancaman kehadiran ikan asing atau 'alien'.

Kehadiran ikan asing seperti keli Afrika, tilapia, bandar raya, baung ekor merah dan jelawat ekor merah yang digelar 'predator' kerana memakan hidupan yang ada di dasar sungai termasuk telur dan benih ikan

sekali gus mengancam ekosistem asli.

Pengerusi Persatuan Perikanan Air Tawar Sungai Galah Kampung Gajah, Perak (Peniat), Sairul Nizam Mohamad Saleh berkata, kehadiran ikan 'alien' lebih 10 tahun lalu antara punca spesies asli semakin berkurangan di Sungai Perak iaitu di kawasan Sungai Galah, Kampung Gajah selain aktiviti perlombongan.

"Boleh dikatakan banyak spesies ikan asli yang sinonim dengan Sungai Perak di kawasan kami semakin pupus (berkurangan) seperti ikan temakang, tenggalan, temoleh dan udang, malah lampam dan baung juga sukar diperoleh. Semua ikan ada tapi sudah tidak banyak.

"Zaman kegemilangan ikan asli sudah tidak meriah dan kalau dulu nelayan boleh dapat 20 hingga 30 kilogram (kg) ikan tembakang tetapi sekarang nak dapat tiga kg pun susah dan paling ketara musim ikan selat dulu boleh dapat 70 hingga 80kg tetapi sekarang nak jumpa seekor pun susah.

"Dulu bila tiba musim ikan darat, nelayan boleh dapat lebih RM2,500 sebulan sekarang RM1,500 pun susah dan ketika ini turun ke sungai hanya mampu dapat hasil RM20 hingga RM30 sehari yang jauh berbeza sebelum ini RM80 hingga RM100," katanya.



>>>DARI MUKA 16

Menurut Sairul Nizam, kehadiran ikan asing antara punca yang menyebabkan ikan asli semakin sukar membiak kerana ia memakan benih ikan dengan ikan asing pertama yang banyak ditemui di Sungai Perak ialah ikan bandar raya sebelum ini.

Katanya, pembiakan

ikan asing yang dibawa masuk ke negara tanpa kawalan ketat juga memainkan peranan apabila spesies seperti ikan baung merah dibela secara dalam sangkar di Sungai Perak dan berisiko terlepas ke perairan umum apabila berlaku banjir menyebabkan sangkar berkenaan pecah.

“Kira-kira dua tahun lalu pernah berlaku

kejadian sangkar ikan pecah di Sungai Perak, Teluk Intan menyebabkan ikan baung ekor merah yang berbahaya kepada ekosistem sungai apabila mampu memusnahkan keseluruhan hidupan terlepas masuk ke kawasan perairan umum.

“Bayangkan ikan itu boleh sampai ke kawasan perairan kami (Kampung Gajah) yang jaraknya

kira-kira 30 kilometer (km) dari Teluk Intan, malah di Pulau Tiga dan Bota juga ada pemancing jumpa spesies ikan berkenaan.

“Selain itu, ikan keli Afrika, baung ekor merah dan jelawat ekor merah juga dilepaskan ke perairan umum (ritual agama) tanpa sekatan biarpun undang-undang melarang,” katanya.